



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN PERKASA LITERASI KEWANGAN GENERASI MUDA MELALUI PERTANDINGAN TEATER PENDEK SIMPAN SSPN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus memperkukuh usaha memupuk budaya menabung dan meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan generasi muda menerusi penganjuran Pertandingan Teater Pendek Simpan SSPN bersempena Karnival Ceria Simpan SSPN (KCS) 2026. Pertandingan yang mengetengahkan tema “Simpanan Sejuta Impian” ini merupakan antara inisiatif PTPTN dalam memberikan pendedahan awal kepada murid mengenai kepentingan pengurusan kewangan dan membudayakan amalan menabung sejak awal usia.
2. Penganjuran pertandingan ini bukan sahaja menjadi platform untuk menyampaikan mesej berkaitan kepentingan menabung melalui Simpan SSPN, malah turut membuka ruang kepada murid untuk menyerlahkan bakat, kreativiti dan keyakinan diri dalam bidang seni persembahan. Pendekatan ini selari dengan usaha PTPTN menyokong pembangunan bakat, pembentukan jati diri dan kemenjadian murid, di samping memupuk penghargaan terhadap nilai kesenian dan kebudayaan.
3. Pertandingan Teater Pendek Simpan SSPN ini terbuka kepada sekolah-sekolah yang melaksanakan Modul Kelab Simpanan Pendidikan (KSP), khususnya susulan pelaksanaan Modul KSP yang baharu mulai sesi persekolahan tahun 2026. Pertandingan ini telah dilaksanakan di peringkat negeri pada 27 Jun 2026 dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 45 buah sekolah dari 13 buah negeri. Penglibatan murid-murid Tahap 2 dalam pertandingan ini turut memberi nilai tambah kepada mereka melalui Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJK), tertakluk kepada ketetapan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
4. Penyampaian Hadiah Pertandingan Teater Pendek Simpan SSPN Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Turut hadir YBrs. Puan Mastura binti Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN, YBrs. Encik Azhar bin Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan PTPTN, YBrs. Puan Sanoyah binti Yusof, Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) KPM, Pengarah-pengarah Jabatan Pendidikan Negeri serta Guru Besar sekolah yang terlibat.

5. Sebagai galakan kepada para peserta, pemenang di setiap peringkat menerima hadiah dalam bentuk akaun Simpan SSPN. Pemberian hadiah dalam bentuk akaun Simpan SSPN ini bukan sahaja menjadi pengiktirafan terhadap pencapaian, kreativiti dan bakat peserta, malah secara tidak langsung dapat menyemai amalan menabung dalam kalangan murid sejak usia muda. Pendekatan ini selari dengan matlamat pertandingan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung serta membudayakan literasi kewangan dalam kehidupan seharian.

6. YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN berkata, "Pertandingan Teater Pendek Simpan SSPN merupakan salah satu aktiviti utama dalam Karnival Ceria Simpan SSPN (KCS) Peringkat Negeri yang telah diadakan serentak di seluruh Malaysia pada 27 Jun 2026. Penganjuran pertandingan ini bukan sahaja bertujuan memupuk budaya menabung dan meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan generasi muda, malah turut menjadi wadah untuk mencungkil bakat serta mengembangkan kreativiti murid melalui pendekatan seni dan persembahan."

7. "Pertandingan ini menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah lebih RM15,000, termasuk lapan (8) anugerah khas yang diberikan sebagai penghargaan kepada sekolah, guru dan murid yang telah menunjukkan kreativiti, kualiti serta prestasi cemerlang sepanjang pertandingan. Semoga pengiktirafan ini menjadi suntikan semangat kepada semua yang terlibat untuk terus mengembangkan bakat dan berkarya dengan lebih kreatif pada masa hadapan," tambah beliau lagi.

8. PTPTN berharap penganjuran pertandingan ini dapat menjadi wadah yang berkesan untuk mendekatkan konsep literasi kewangan kepada generasi muda melalui pendekatan yang menyeronokkan, kreatif dan berimpak. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan PTPTN dalam membudayakan amalan menabung serta membina kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan sejak di bangku sekolah.

9. Melalui pendekatan pendidikan kewangan yang diterapkan sejak di bangku sekolah, PTPTN percaya generasi muda bukan sahaja dapat memahami kepentingan menabung, malah mampu membina asas pengurusan kewangan yang lebih baik sebagai persediaan ke arah masa depan pendidikan yang lebih terancang. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperoleh melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
16 Ogos 2026**

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)